

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
SYARIKAT INVEST MELAKA BERHAD
AYER KEROH MELAKA

OLEH:
NORSURYA BT MD ARON
SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)
2006

du: 5889

1100048729

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



LI 36 FPE 3 2006



1100048729

Laporan akhir latihan industri di Syarikat Invest Melaka Berhad,
Ayer Keroh, Melaka / Norsurya Md Aron.

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

21050 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah



5
36
PDE
3
2006

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI SYARIKAT INVEST
MELAKA BERHAD, AYER KEROH MELAKA**

Oleh

**NORSURYA BINTI MD ARON
SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)**

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DIHANTAR KE

**JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA**

2006

1100048729

Penghargaan

Bersyukur saya ucapkan ke hadrat Illahi dan kepada semua yang terlibat kerana saya berjaya menyiapkan laporan latihan industri ini. Pertama sekali saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Maznah bte Salleh iaitu sebagai penyelia saya di KUSTEM kerana telah sama-sama memberi segala tunjuk ajar kepada saya dalam usaha menyiapkan laporan latihan industri ini. Tanpa tunjuk ajar dari beliau, saya tidak mungkin dapat menyudahkan laporan ini seperti yang ditetapkan oleh pihak KUSTEM. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada syarikat yang telah menerima saya menjalani latihan industri ini iaitu Syarikat Invest Melaka Berhad. Segala tunjuk ajar yang telah diberikan oleh mereka kepada saya akan saya praktikkan di masa akan datang kelak. Budi baik mereka akan saya kenang dan sentiasa akan diingati. Tanpa tunjuk ajar dan juga penerimaan mereka terhadap saya, saya tidak dapat menyiapkan laporan ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga saya terutamanya, kepada kedua ibu bapa saya. Segala pengorbanan mereka tidak akan saya lupa dan akan saya kenang sampai bila-bila. Tanpa dorongan dan kata-kata semangat dari mereka tidak mungkin saya dapat menjayakan laporan latihan industri ini dengan sempuma. Mereka yang tidak jemu-jemu memberi dorongan membuatkan saya lebih bersemangat untuk terus gigih memenuhi tanggungjawab saya.

Akhir sekali, tidak lupa juga saya ucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberi sokongan di antara satu sama lain. Segala kerjasama yang diberikan untuk sama-sama berjaya dalam kursus ini, telah membawa hasil yang cukup memberangsangkan. Selain itu, kami berjaya menempuh segala dugaan dan juga halangan yang kami hadapi semasa proses melengkapkan laporan ini. Pengalaman yang kami terima telah lebih mematangkan kami dan membuatkan kami lebih kuat dalam usaha memenuhi ciri-ciri laporan yang dikehendaki oleh KUSTEM.

Ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi yang tidak terhingga kepada mereka yang telah sama-sama memberikan segala sokongan kepada saya dalam menjayakan laporan latihan industri ini. Segala ilmu yang diperturunkan oleh semua pihak akan saya kenang sehingga ke akhir hayat saya. Tanpa mereka, tidak mungkin saya dapat menyiapkan laporan ini dengan jayanya. Saya berharap agar segala pengalaman yang saya perolehi akan membuatkan saya lebih berjaya di masa akan datang.

Akhir kata dari saya, usaha yang gigih merupakan tangga kejayaan dan juga pengalaman dapat mematangkan fikiran individu itu.

Sekian terima kasih.

Isi Kandungan

Senarai Gambarajah

Ringkasan Eksekutif

BAB 1 Latar Belakang Syarikat

1.1 Pengenalan dan Sejarah Penubuhan Invest Melaka	1
1.1.1 Visi dan Misi Organisasi	6
1.1.2 Matlamat Organisasi	6
1.2 Maklumat Organisasi	8
1.3 Carta Organisasi	14
1.3.1 Carta Organisasi Invest Melaka	16
1.4 Aktiviti Organisasi	17
1.5 Kemahiran yang Dipelajari	19

BAB 2 Sistem Kerja, Analisis Masalah Cadangan Penyelesaian dan Pelaksanaan serta Implikasi

2.1 Sistem Kerja	21
2.1.1 Majlis Dialog	23
2.1.2 Pengenalpastian Masalah	28
2.1.3 Cadangan Penyelesaian	29
2.1.4 Pelaksanaan dan Implikasi Cadangan Penyelesaian	31
2.2.1 Mesyuarat Teknikal	34
2.2.2 Pengenalpastian Masalah	38
2.2.3 Cadangan Penyelesaian	39
2.2.4 Pelaksanaan dan Implikasi Cadangan Penyelesaian	41
2.3.1 Penyediaan List of Industries	44
2.3.2 Pengenalpastian Masalah	48
2.3.3 Cadangan Penyelesaian	49
2.3.4 Pelaksanaan dan Implikasi Cadangan Penyelesaian	51
Bab 3 Penutup	54
Rujukan	
Lampiran	

Senarai Graf dan Gambarajah

BAB 1 Gambarajah 1.1 Analisa Pelaburan Negeri Melaka	9
Gambarajah 1.2 Analisa Pelaburan Malaysia	9
Gambarajah 1.3 Pencapaian Pelaburan Negeri Melaka 2005 Berdasarkan Sasaran	10
Gambarajah 1.3.1 Carta Organisasi	16
BAB 2 Gambarajah 2.1.1 Carta Aliran Proses Sistem Majlis Diaolg (Sebelum)	27
Gambarajah 2.1.4 Carta Aliran Proses Sistem Majlis Dialog (Selepas)	33
Gambarajah 2.2.1 Carta Aliran Proses Sistem Mesyuarat Teknikal (Sebelum)	37
Gambarajah 2.2.4 Carta Aliran Proses Sistem Mesyuarat Teknikal (Selepas)	43
Gambarajah 2.3.1 Carta Aliran Proses Sistem Penyediaan <i>List of Industries</i> (Sebelum)	47
Gambarajah 2.3.4 Carta Aliran Proses Sistem Penyediaan <i>List of Industries</i> (Selepas)	53

Ringkasan Eksekutif

Latihan industri merupakan satu aktiviti pembelajaran yang memberikan manfaat kepada pelajar. Setiap pelatih pasti akan memperolehi banyak pengajaran dengan menjalani latihan industri. Dengan latihan industri ini, pelatih akan berpeluang untuk melibatkan diri secara langsung di dalam bidang pekerjaan yang sebenar. Ianya memberikan pengalaman yang berguna kepada diri setiap pelatih. Peluang yang diberikan untuk menjalani latihan industri ini, pelatih akan dapat memahami operasi syarikat dan juga dapat mengaplikasikan dengan apa yang dipelajari di KUSTEM. Penglibatan pelajar di dalam segala aktiviti syarikat akan memberikan pelatih satu pengalaman yang tidak akan dapat diperolehi di kampus. Sepanjang penglibatan pelatih di syarikat Invest Melaka Berhad, pelatih telah dapat mengesan beberapa masalah yang dihadapi untuk setiap sistem yang dijalankan di syarikat ini. Antara masalah-masalah tersebut ialah kebanyakan pekilang tidak mengenali Invest Melaka, masalah ini dihadapi apabila Invest Melaka hendak mengadakan Majlis Dialog. Kebiasaannya, pekerja bawahan yang tidak mengenali syarikat pelaburan ini. Masalah lain yang ditemui ialah arkitek dan juga pihak kilang tidak menepati prosedur untuk pelan mereka. Prosedur yang telah ditetapkan oleh setiap agensi kerajaan amat penting untuk dipenuhi kerana sekiranya prosedur mereka tidak dipenuhi, pelan pembangunan kilang mereka tidak dapat diteruskan dan segala kerja aktiviti pengeluaran akan tergendala. Masalah lain pula adalah tiada kerjasama di antara staf dalam berkongsi maklumat untuk penyediaan direkтори industri di negeri Melaka. Ketepatan maklumat di dalam direkтори itu amat penting kerana ianya digunakan sebagai panduan mereka yang hendak memulakan pembiagaan di sektor perindustrian. Segala masalah tersebut, adalah melalui pemerhatian pelatih sepanjang tempoh latihan industri di syarikat ini. Tempoh latihan industri merupakan satu tempoh yang panjang dan cukup untuk pelatih belajar sesuatu yang baru dan mendapatkan pengalaman yang akan digunakan untuk menempuh alam pekerjaan kelak. Menyedari masalah-masalah tersebut, pelatih telah memberikan pandangan kepada syarikat ini untuk menyelesaikan segala masalah yang dihadapi di syarikat. Pelatih telah mengaplikasikan dengan apa yang dipelajari di KUSTEM untuk menghadapi masalah-masalah tersebut. Latihan industri amat diperlukan untuk meningkatkan daya saing pelajar dan juga untuk memberikan pengalaman yang bermilai. Ianya menjadikan seseorang mahasiswa itu lebih kompetitif dan juga dapat memberikan pandangan untuk sesebuah syarikat tersebut.